

Gaji kecil, kos hidup tinggi sukarkan rakyat menabung

Tahap literasi kewangan penting bantu pengguna belanja secara tepat

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gaji kecil diterima majoriti pekerja Malaysia dan kos sara hidup tinggi menyukarkan orang ramai untuk menabung, bukannya kerana mereka boros berbelanja.

Perkara itu adalah dapatan daripada kaji selidik *BH* menerusi Twitter semalam yang mana 63 peratus daripada 2,071 responden menyatakan mereka tidak dapat menabung kerana gaji kecil, bu-

kannya disebabkan sifat boros.

Bagaimanapun, 33 peratus responden pula setuju rakyat Malaysia lebih suka berbelanja sehingga tiada tabungan kecemasan walaupun RM1,000 kerana boros.

Sementara itu di ruangan komen, pengguna media sosial rata-rata mengeluh dengan gaji yang diterima terutama kini harga barang semakin naik sehingga mereka tidak mampu untuk membuat tabungan kecemasan.

69 peratus suka berbelanja

Sebelum ini Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 oleh Jawatankuasa Kerja Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) yang diterbitkan Oktober lalu melaporkan daripada 3,000 responden, 69 peratus daripadanya lebih suka berbelanja berbanding menyimpan, menyebabkan mereka tiada simpanan untuk digunakan ketika kecemasan.

Selain itu, 47 peratus responden mengakui sukar menyediakan wang kecemasan RM1,000 dan hanya 20 peratus mampu menampung perbelanjaan hidup bagi tempoh tiga bulan atau lebih, jika hilang pendapatan.

Berikutan itu, Pakar sikap kepenggunaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Lailly Paim, menyifatkan rakyat sukar untuk menyimpan wang secara konsisten berikutan gaji tidak mencukupi akibat kos sara hidup yang tinggi dan terus meningkat.

Tambahnya, keadaan kewangan pengguna menjadi bertambah buruk apabila tahap literasi kewangan mereka rendah.

"Dalam keadaan gaji yang rendah, literasi kewangan penting bagi membantu pengguna berbelanja secara tepat, sekali gus dapat menggunakan sepenuhnya pendapatan yang ada untuk memenuhi keperluan hidup," katanya.